



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
(BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR)
TUNGGAKAN HASIL PROJEK LADANG HUTAN



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Hasil daripada PLH dikutip selaras dengan perjanjian, dasar Kerajaan, peraturan kewangan dan pekeliling yang berkuat kuasa

JUMLAH SEMAKAN

RM34.17 juta

APA SEPATUTNYA



Hasil dikutip mengikut perjanjian

APA YANG BERLAKU

RM11.31 juta

» Hasil tidak dikutip



KETIRISAN HASIL
RM11.31 juta

2

SYOR AUDIT



RUMUSAN

Kelemahan pemantauan dan ketiadaan perjanjian tambahan menyebabkan hasil tidak dikutip

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR)

1. TUNGGAKAN HASIL PROJEK LADANG HUTAN

FAKTA UTAMA

Lokasi Projek Ladang Hutan Hutan Simpan Kekal Sermin, Segamat	Keluasan Hutan 1,296.09 hektar	Jenis Kutipan Hasil - <i>Tapping Right</i>
---	-----------------------------------	---

1. LATAR BELAKANG

1.1. Penubuhan ladang hutan merupakan salah satu pelan bersepadu strategi pengurusan sumber hutan dan dilaksanakan dalam kawasan hutan simpan kekal (HSK) yang miskin. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) telah diberi tanggungjawab terhadap pelaksanaan Projek Ladang Hutan (PLH). Perjanjian PLH bersama pengusaha iaitu Syarikat 702957-U telah ditandatangani pada tahun 2001 dengan tempoh konsesi selama 30 tahun. Butiran lengkap pengusaha ladang hutan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGUSAHA DAN MAKLUMAT KAWASAN PLH

PENGUSAHA	LOKASI LADANG HUTAN	PERJANJIAN (TAHUN)	LUAS KAWASAN	
			HEKTAR	EKAR
Syarikat 702957-U	HSK Sermin, Segamat	2001	1,296.09	3,202.77

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

1.2. Hasil yang diperoleh oleh Kerajaan negeri daripada PLH adalah permit penggunaan dan pungutan hasil pertanian (*tapping right*). Anggaran *tapping right* yang perlu dijelaskan oleh Syarikat 702957-U kepada Kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga 2021 adalah berjumlah RM34.17 juta. Sehingga akhir tahun 2021, hasil sebenar yang dapat dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM22.86 juta seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
JENIS DAN KUTIPAN HASIL DARIPADA PLH

JENIS HASIL	PENGUSAHA	KUTIPAN HASIL		
		TAHUN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)
<i>Tapping Right</i>	Syarikat 702957-U	2008-2021	34.17	22.86

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan BPENJ

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan bagi memastikan sama ada hasil daripada PLH dikutip dengan teratur selaras dengan perjanjian, dasar Kerajaan, peraturan kewangan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pematuhan telah dijalankan terhadap hasil yang perlu dikutip daripada Syarikat 702957-U yang di bawah seliaan BPENJ dari tahun 2008 hingga 2021. Pengauditan dilaksanakan berdasarkan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1. Pengauditan dilaksanakan di pejabat BPENJ dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan menyemak perjanjian, minit mesyuarat, keputusan dasar Kerajaan negeri, dokumen kewangan, baucar bayaran dan dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan November hingga Disember 2021. Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada BPENJ pada 17 Januari 2022 dan maklum balas mengenainya telah diterima pada 10 April dan 12 April 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 10 Mei 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Tunggakan *Tapping Right* Berjumlah RM11.31 juta Belum Diterima

4.1.1. Klausula 6.4 kepada Perjanjian Memungut Hasil Pertanian dan Hak Penggunaan Tanah menyatakan Syarikat 702957-U perlu membayar pungutan hasil pertanian (*tapping right*) tanaman getah kepada Kerajaan negeri dengan kiraan 250 batang pokok seekar dengan kadar antara RM10 hingga RM20 sepokok mengikut tahun kitaran penanaman. Syarikat 702957-U juga dikehendaki membayar pungutan hasil pertanian (*tapping right*) bagi tanaman kelapa sawit dengan kiraan 50 batang pokok seekar dengan kadar antara RM10 hingga RM20 sepokok mengikut tahun kitaran tanaman.

4.1.2. Semakan Audit mendapati pembayaran *tapping right* untuk tanaman getah dan kelapa sawit belum dijelaskan oleh Syarikat 702957-U dari tahun 2017 hingga 2021 (lima tahun). Tunggakan hasil yang belum diterima adalah berjumlah RM3.18 juta bagi tanaman getah dan RM8.13 juta bagi tanaman kelapa sawit seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
TUNGGAKAN HASIL TAPPING RIGHT TANAMAN GETAH DAN KELAPA SAWIT
YANG TIDAK DIJELASKAN OLEH SYARIKAT 702957-U BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

JENIS TANAMAN	KITAR PENANAMAN (TAHUN)	KADAR (RM)	TAPPING RIGHT TAHUNAN	TUNGGAKAN (RM)
Getah	4 hingga 10 (2017)	20	RM20 x 250 pokok x 212 ekar (1 tahun) = RM1,060,000	3,180,000
	11 hingga 15 (2018-2022)	10	RM10 x 250 pokok x 212 ekar (4 tahun) = RM2,120,000	
Kelapa Sawit	11 hingga 15 (2017-2021)	20	RM20 x 50 pokok x 2,710 ekar (1 tahun) = RM2,710,000	8,130,000
	11 hingga 15 (2018-2022)	10	RM10 x 50 pokok x 2,710 ekar (4 tahun) = RM5,420,000	
JUMLAH				11,310,000

Sumber: JPNJ dan BPENJ

4.1.3. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor bertarikh 20 Mac 2019 Ringkasan Mesyuarat bil. 548/2019 memutuskan bayaran *tapping right* bagi tahun 2008 hingga 2016 berjumlah RM22.86 juta tidak perlu dijelaskan kepada Kerajaan negeri sebagai kontra dengan jumlah yang dibelanjakan bagi tujuan pembatalan perjanjian usaha sama Syarikat 702957-U dengan pengusaha lama. Bagaimanapun bagi *tapping right* dari tahun 2017 hingga 2021, pengusaha masih belum menjelaskan bayaran dan tiada tindakan susulan bagi menuntut tunggakan hasil berjumlah RM11.31 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati penanaman telah mula dibuat pada tahun 2008 dan Syarikat 702957-U telah memperoleh hasil daripada tanaman getah dan kelapa sawit tersebut.

Maklum Balas BPENJ yang Diterima pada 21 Jun 2022

BPENJ telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan bersama pengusaha PLH pada 12 Mei 2022 mengenai tindakan yang perlu dilaksanakan berkenaan tunggakan *tapping right*. Berdasarkan surat Syarikat 702957-U bertarikh 23 Mei 2022 menyatakan kiraan *tapping right* yang sepatutnya yang diterima oleh Kerajaan negeri dari tahun 2010 hingga 2024 adalah berjumlah RM22 juta. Syarikat 702957-U juga menyatakan mesyuarat bersama BPENJ dan JPNJ pada tahun 2019, telah memutuskan bayaran permit penggunaan dan lain-lain hasil pertanian adalah kepada JPNJ. Bayaran *tapping right* telah dibatalkan dan diganti dengan lain-lain bayaran mengikut spesifikasi JPNJ. Susulan daripada Mesyuarat Penyelaras bersama pengusaha pada 12 Mei 2022, perbincangan lanjut secara terperinci akan dibuat bersama Syarikat 702957-U bagi menyelesaikan isu mengenai bayaran *tapping right* tersebut.

Maklum Balas BPENJ yang Diterima pada 7 November 2022

BPENJ telah meneliti semula keputusan MMK Johor bertarikh 20 Mac 2019 Ringkasan Mesyuarat bil. 548/2019 dan telah bersetuju untuk menuntut bayaran *tapping right* daripada Syarikat 702957-U bagi tahun 2017 dan 2018 berjumlah RM5.66 juta. BPENJ pada 6 November 2022 telah mengeluarkan notis tuntutan bayaran *tapping right* kepada Syarikat 702957-U berjumlah RM5.66 juta. BPENJ menyatakan baki tunggakan berjumlah RM5.65 juta adalah di bawah tindakan JPNJ untuk tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perjanjian tambahan yang baharu. BPENJ akan bekerjasama dengan JPNJ untuk menyediakan perjanjian tambahan bagi menambah baik perjanjian sedia ada.

Pernyataan Audit | Tindakan BPENJ mengeluarkan surat tuntutan bayaran *tapping right* kepada Syarikat 702957-U berjumlah RM5.66 juta adalah baik. Bagaimanapun, baki tunggakan dari tahun 2019 hingga terkini perlu diambil tindakan selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan tunggakan kutipan hasil daripada PLH adalah kurang memuaskan kerana hasil *tapping right* dari tahun 2017 hingga 2021 berjumlah RM11.31 juta masih belum dikutip.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, tindakan penambahanbaikan perlu diambil seperti berikut:

- 6.1. perjanjian tambahan perlu disediakan dengan segera bagi melaksanakan kutipan tunggakan hasil bermula dari tahun 2019 sehingga terkini; dan
- 6.2. BPENJ perlu mengadakan perbincangan terperinci bersama dengan Penasihat Undang-undang Kerajaan negeri untuk menyediakan perjanjian tambahan bagi menambah baik perjanjian sedia ada.